

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
KAWASAN : BAGAN

SOALAN:

YB. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan semua projek-projek jalan yang dirancangkan di Pulau Pinang pada tahun ini, termasuk lebuhraya RM300 juta di daerah Seberang Perai Utara yang diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 7 projek dengan kos keseluruhan sebanyak hampir RM1.96 bilion telah diluluskan dalam Rolling Plan Pertama (2016 – 2017), RMKe-11 di bawah Kementerian Kerja Raya, iaitu seperti berikut:

1. Menaik Taraf Jalan Persekutuan FT006 Dari Teluk Kumbar Ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Kos Projek RM390 juta;
2. Membina Jalan Dari 2 Lorong Ke 4 Lorong Dari Jambatan Tuanku Abdul Rahman (Sek.757) Hingga Jambatan Merdeka (Sek. 782) Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Kos Projek RM340.4 juta;
3. Naik Taraf Bayan Lepas Expressway Daripada Batu Maung Ke Jambatan Pulau Pinang. Kos Projek RM373.2 juta;
4. Menaik Taraf Laluan Persekutuan FT001 Dari Persimpangan Permatang Keling (Sek.720) Ke Jambatan Di Atas Sungai Junjung, Simpang Ampat (Sek.740), Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Kos Projek: RM344 juta;
5. Membina Jejambat Menghubung Jalan Nangka – Jalan Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang / Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam. Kos projek RM184.8 juta;
6. Membina 'Flyover' Merentasi Persimpangan Bulatan Batu Maung Dan Persimpangan P222/P10. Kos Projek RM165.944 juta; dan

7. Menaik Taraf Jalan Negeri (P10) Daripada Batu Maung Ke Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah, Pulau Pinang. Kos projek RM160 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek lebuh raya baru di Seberang Perai Utara itu ialah merujuk kepada projek seperti bilangan no. 2 di atas, iaitu Membina Jalan Dari 2 Lorong Ke 4 Lorong Dari Jambatan Tuanku Abdul Rahman (Sek.757) Hingga Jambatan Merdeka (Sek. 782) Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Projek ini telah diluluskan Kerajaan Persekutuan untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-11 (2016 – 2020).

Sekian, terima kasih.